

NUS lancar program teroka kerjaya di luar negara



BELAJAR DARI PAKAR: Program baru NUS itu akan memberikan pelajar peluang untuk belajar daripada pengalaman mentor dari industri pelbagai dan meminta nasihat serta pandangan mereka mengenai bidang pilihan mereka. – Foto NUS

PROGRAM bertujuan membantu pelajar yang ingin meneroka kerjaya di luar negara dengan melengkapi mereka dengan kemahiran relevan dilancarkan Universiti Nasional Singapura (NUS).

Menurut kenyataan yang dikeluarkan universiti itu semalam, Program Mentorship Sedunia yang dilancarkan semasa pameran kerjaya NUS Career Fest 2019 semalam, akan memadankan pelajar dengan karyawan industri yang mungkin berpangkalan di luar negara, mempunyai pengalaman bekerja di luar negara atau memegang peranan serantau.

Sebagai permulaan, lebih 30 karyawan sedunia dipilih khas untuk memainkan peranan sebagai mentor atau pembimbing kepada pelajar NUS.

Mentor akan berkongsi pengalaman dari sektor yang berbeza, termasuk sektor perundingan, teknologi, kewangan, pertubuhan bukan pemerintah (NGO), kejuruteraan dan pendidikan.

Program tersebut akan dimulakan pada tahun akademik akan datang mulai Ogos 2019 dengan program perintis yang akan melibatkan 50 pelajar.

Pelajar boleh meminta nasihat serta bimbingan mentor mereka, antaranya

berkenaan kepakaran, pandangan serta laluan kerjaya yang pernah dilalui.

Semua pelajar NUS layak memasuki program kendalian Pusat NUS Siswazah yang Bersedia untuk Masa Hadapan (NUS CFG) tersebut dan permohonan dibuka sehingga 31 Mac 2019.

Menyentuh tentang program tersebut dalam satu kenyataan, Presiden NUS, Profesor Tan Eng Chye, berkata penting untuk pelajar mempunyai daya pemikiran global dan mempunyai keupayaan menyesuaikan diri dan menggarap peluang yang ada di hadapan mereka.

“Banyak juga syarikat yang ingin berkembang ke Asia Tenggara, rantau yang mempunyai budaya pelbagai yang secara kolektif membentuk ekonomi dunia kelima terbesar. Untuk itu, penting bagi pelajar kita berfikir secara global, senang menyesuaikan diri dan mampu menggarap peluang yang ada.”

Beliau menambah program baru itu akan memberikan kelebihan kepada pelajar untuk cemerlang dan kekal berdaya saing dalam kerjaya mereka, dan menambah kepada manfaat yang diraih daripada program bekerja sambil belajar atau program pertukaran luar negara.